

PM jamin masalah doktor kontrak selesai dalam 3 tahun

Kerajaan sedia peruntukan RM3 bilion setahun untuk lantikan baharu

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan masalah doktor kontrak di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) akan dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa tahun ini.

Perdana Menteri berkata, masalah berkenaan sudah lama berlarutan dan justeru itu, kerajaan sedia ada tidak boleh dibebankan untuk menyelesaikannya dalam tempoh setahun.

Beliau berkata, KKM meneri-

ma peruntukan kedua terbesar dalam Belanjawan 2023, iaitu RM36.3 bilion, termasuk peruntukan RM3 bilion setahun untuk lantikan baharu secara tetap dan kontrak bagi lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi.

“Kalau kerajaan nak selesaikan semuanya sekali bagi 4,000 (lantikan tetap) yang dituntut, maknanya kita perlukan RM10 bilion setahun, maka tidak mungkin.

“Sebab itu, saya bagi jaminan, tahun ini 1,500 (lantikan), tahun depan atau berikutnya, katakan dalam tempoh tiga tahun, kita boleh selesaikan masalah ini.

“Masalah tertangguh lama, jadi tidak boleh bebankan kita dalam satu tahun untuk selesaikan semua. RM3 bilion itu bukan jumlah yang kecil,” katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara, semalam.

Pada November 2021, KKM me-

maklumkan, seramai 4,186 daripada 10,583 pegawai perubatan kontrak yang sudah tamat perkhidmatan wajib dengan Kementerian Kesihatan (KKM) ketika itu, sudah dinilai dan diperakui untuk lantikan tetap oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Daripada jumlah itu, sebanyak 3,586 membabitkan lantikan pegawai perubatan dan masing-masing 300 pegawai pergigian serta pegawai farmasi.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada pengisian jawatan perkhidmatan awam dalam sektor kritikal, terutama bidang kesihatan dan pendidikan.

“Ini dijangka membabitkan perbelanjaan tambahan sehingga RM800 juta untuk 2023, yang mampu dan boleh kita tampung untuk satu tahun,” katanya.

Mengenai isu perolehan aset



Anwar ketika membentangkan RUU Perbekalan 2023 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

ketenteraan, Anwar menegaskan ia perlu diputuskan sendiri oleh pihak ketenteraan yang terbabit tanpa memerlukan campur tangan ahli politik.

Katanya, kaedah perolehan aset ketenteraan harus berubah susulan masalah perolehan yang berlaku sebelum ini yang boleh menjejaskan keupayaan kesiapsiagaan negara.

“Saya sudah panggil semua ketua di Kementerian Pertahanan dan menyatakan kaedah perolehan harus berubah. Kalau mahu beli kapal, biarlah tentera laut memutuskan sendiri dan kalau kapal terbang, biar

tentera udara.

“Tidak payahlah orang politik campur tangan, tidak payahlah banyak sangat ejen. Dia (pihak tentera) putuskan dan kita teliti, dipersetujui dan G2G (kerajaan kepada kerajaan), kita rundingkan dan ini akan menjimatkan kos dan menyelamatkan negara,” katanya.

Perdana Menteri berkata, terdapat dua kapal yang berfungsi ketika ini, yang diluluskan pada 1997 ketika beliau menjadi Menteri Kewangan dan semua projek selepas itu, termasuk kapal tempur persisir (LCS) terbengkalai dan lambat siap.